# MAJLIS GEMILANG 2015
# AKADEMIA PUTRA



## DR. MARIA CHONG ABDULLAH

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN, UPM

***"Saya melihat pelajar saya sebagai insan yang mempunyai keunikan, keperluan, dan potensi yang tersendiri. Saya menerima mereka seadanya, dan sentiasa memastikan mereka mempunyai pengalaman pembelajaran yang menggembirakan, menghiburkan, mengujakan, dan dapat memenuhi keperluan mereka daripada aspek intelek, sosial, emosi, dan rohani. "***

### INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sebagai seorang pendidik yang berinovasi, beliau mempraktikkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang mengoptimumkan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Beliau yakin bahawa penglibatan pelajar secara aktif dan interaktif dalam aktiviti pembelajaran dapat meningkatkan penguasaan dan penghayatan mereka terhadap ilmu yang dipelajari. Selain itu, kemahiran insaniah dan ciri *deep learning* dalam kalangan pelajar turut dapat dipupuk .

### KAEDAH PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR (SCL)

- Pendekatan Modular
- Kajian Kes
- Kuliah Interaktif:
  - Pengajaran rakan sebaya, Sumbangsaran ▸Perbahasan Teknik buzz ▸ Perbincangan kumpulan ▸*Best Summary The Muddiest Point* ▸*Think Pair Share* ▸Analisis Konsep
- PutraBLAST
- Microblogging Web 2.0 (padlet.com)
- *Flipped Classroom*
- *On-Line Forum*
- YouTube
- Video
- Emel, Facebook & Whatsapp

# ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSELOR

( KATEGORI PENGAJARAN )

## ANUGERAH PENGAJAR CEMERLANG

# MAJLIS GEMILANG 2015 AKADEMIA PUTRA



## DR. GAYATHRI THEVI SELVARAJAH

FAKULTI PERUBATAN VETERINAR, UPM

***"Sharing And Caring Towards Excellence In Teaching And Learning."***

***"Facilitate And Engage Learners In Innovative Ways That Is Noble, Fun And Enriching."***

## INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dari segi penyelidikan dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, beliau merupakan penyelidik bersama untuk empat geran GIPP yang telah diluluskan pada tahun 2015. Hasil kerjasama tersebut, sebuah sistem MyVetPBL dan beberapa kes PBL berunsurkan "ONE HEALTH" telah ditulis yang boleh digunakan untuk mengajar pelajar di pelbagai bidang termasuk veterinar, perubatan, sains kesihatan berseukutu dan sebagainya.

"*Case Investigations in Diagnostic Onco-cyto-pathology*" yang berteraskan blended learning telah digunapakai untuk kursus Penyelesaian Masalah Penyakit. Hasil kajian dalam aktiviti pembelajaran PBL pelajar tahun akhir DPV yang bertajuk "*A Pilot Evaluation of Problem Based Learning to create Awareness on One Health Core Competencies Among Veterinary Medicine Undergraduates*" telah dibentangkan di konferensi di Australia pada tahun 2015.

## KAEDAH PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR (SCL)

- *Problem Based Learning* (PBL)
- *Case Study*
- *Game Based Learning* (GBL)
- *Blended Learning* (Microscopy, Power Point, Role Play)
- *Interactive Lectures In Classroom*
- *Reflections*
- *Clinic Hands-on Training*

# ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSELOR

( KATEGORI PENGAJARAN )

## ANUGERAH PENGAJAR MUDA

MAJLIS GEMILANG 2015
AKADEMIA PUTRA



# DR. SALMAH JAN BT NOOR MUHAMMAD

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM

***"Ihsan, Empati dan Ikhlas memberi ilmu, hormat, Istiqamah, Tekun, Pendengar yang baik serta menjadi Pemudah cara sentiasa ditanamkan dalam diri dan di terapkan dalam PnP. Perkara ini akan mewujudkan hubungan erat tapi terbatas antara pensyarah dan pelajar."***

## INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kaedah berasaskan SCL banyak membantu dalam melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar lebih terbuka dan berkeyakinan tinggi serta kritis dalam melontarkan hujah dan idea terhadap topik perbincangan. Pelbagai aktiviti di dalam kuliah dijalankan bagi memastikan pelajar sentiasa aktif semasa kuliah di samping memupuk minat pelajar dan menjadikan penyampaian kuliah menjadi lebih berkesan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah kuiz berkumpulan, simulasi, pembentangan, lawatan ilmiah, pameran dan buku skrap.

## KAEDAH PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR (SCL)

- Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL)
- Pembelajaran Berasaskan Masalah Berorientasikan Projek (PoPBL)

# ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSELOR

( Kategori Pengajaran )

## Anugerah Pengajar Muda

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# MAJLIS GEMILANG 2015 AKADEMIA PUTRA



## DR. RAHIMAH JAMALUDDIN

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN, UPM

***" Mendidik itu amanah, mendidik itu ibadah. Amanah dan Ibadah menjadi pegangan saya untuk menjadi pendidik yang cemerlang dan berkualiti di dunia dan di akhirat. Berpegang kepada kedua-dua nilai ini, saya sentiasa prihatin dengan keperluan pelajar, mempraktikkan pelbagai strategi pengajaran bagi memastikan ilmu yang disampaikan memberi makna kepada pelajar."***

### INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan pembelajaran berasaskan pengalaman menjadi fokus utama beliau dalam melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berketerampilan. Selaras dengan matlamat Pendidikan Teknik dan Vokasional, beliau yakin inovasi dan kreativiti merupakan dua elemen penting yang perlu diaplikasikan bagi menghasilkan '*output*' yang luar biasa.

### KAEDAH PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR (SCL)

- Pembelajaran Perasaskan Masalah (PBL)
- Flipped Classroom
- Pembelajaran koperatif
- Kuliah Interaktif
- Projek mini
- Projek komuniti
- Pengajaran rakan sebaya
- Pembentangan poster
- Penganjuran bengkel
- Teknik buzz
- Gallery walk
- Pertandingan
- Pameran
- Role Play
- Forum dalam talian
- PutraBlast
- Kajian Ilmiah/lapangan
- Lawatan ke industri.
- Web 2.0
- Email, Facebook, Whatsapp

# ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSELOR

( KATEGORI PENGAJARAN )

## ANUGERAH PENGAJAR MUDA